

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



 Malaysian Palm Oil Board
 mpob_tweets
 Malaysian Palm Oil Board
 mpob.gov.my

Malaysia tegas bantah Resolusi Parlimen EU

MUKA 2

Teknologi MPOB raih pingat MTE 2018

MUKA 8



Sawit kekal penyumbang utama sektor komoditi pertanian



Catat peningkatan 14.6 peratus berbanding prestasi 2016

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya

Industri sawit Malaysia mengatasi sektor komoditi lain dalam menjana pendapatan eksport negara bagi 2017.

Tahun lalu menyaksikan eksport produk sawit menyumbang RM77.8 bilion atau 55.5 peratus kepada pendapatan eksport sektor komoditi negara, peningkatan 14.6 peratus berbanding 2016.

Eksport produk getah di tangga kedua dengan RM32.3 bilion atau 23 peratus kepada pendapatan eksport sektor komoditi Malaysia. Ini adalah 30.2 peratus lebih baik daripada prestasi 2016.

Sektor produk kayu-kayan pula mencatatkan sumbangan eksport sebanyak 16.6 peratus atau RM23.2 bilion sementara sektor produk koko memberi sumbangan 4 peratus kepada pendapatan eksport komoditi pada jumlah RM5.6 bilion.

Nilai tertinggi

Produk tembakau menyumbang 0.8 peratus atau RM1.1 bilion kepada pendapatan eksport sektor komoditi Malaysia untuk 2017 dan ini merupakan penurunan 29.8 peratus berbanding 2016.



Eksport sektor komoditi 2017 mencatatkan nilai tertinggi pada RM141.1 bilion sejak 2011 di mana pendapatan eksport produk-produk komoditi sebanyak RM140.3 bilion atau 15 peratus daripada pendapatan eksport negara”

Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan
Perladangan dan Komoditi

RM122.6 bilion yang direkodkan pada 2016.

“Sektor komoditi juga kekal sebagai net exporter terbesar dengan merekodkan imbangan dagangan sebanyak RM100.8 bilion berbanding sektor lain seperti elektrik dan elektronik sebanyak RM90.1 bilion dan petroleum dan gas sebanyak RM36 bilion,” katanya dalam satu kenyataan akhbar.

Disebalik cabaran dihadapi, Siew Keong mengiktiraf prestasi cemerlang ini sebagai hasil usaha keras daripada pelbagai pihak yang terbabit termasuk pihak industri, pekebun kecil dan agensi kerajaan.

Beliau berharap usaha ini dapat diteruskan bagi mengukuhkan industri komoditi negara demi membela sumber pendapatan 1.2 juta pekebun kecil.

Produk lada yang menyumbang 0.2 peratus kepada pendapatan eksport sektor komoditi untuk 2017 turut mempamerkan penurunan prestasi sebanyak 37 peratus kepada RM308.9 juta.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, eksport sektor komoditi 2017 mencatatkan nilai tertinggi pada RM141.1 bilion sejak 2011 di mana pendapatan

eksport produk-produk komoditi sebanyak RM140.3 bilion atau 15 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport negara.

Katanya, nilai ini adalah peningkatan 14.4 peratus berbanding

Industri sawit kekal sebagai penyumbang utama pendapatan eksport komoditi pertanian pada tahun 2017 dengan nilai eksport sebanyak RM77.8 bilion meningkat 14.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan prestasi sawit adalah hasil usaha gigih pelbagai pihak dalam industri, termasuk sumbangan pekebun kecil.

Di sebalik peningkatan prestasi memberangsangkan, industri sawit negara dibayangi dengan cabaran diskriminasi perdagangan yang dikhuatiri menjejaskan pasaran minyak sawit. Keputusan Parlimen Kesatuan Eropah (EU) yang menyokong resolusi bagi sekatan pengimportan minyak sawit bagi kegunaan sektor bio bahan api dalam sumber tenaga diperbaharui seawal tahun 2021 dikhuatiri memberi kesan pendapatan kepada lebih 650,000 pekebun kecil sawit. Negara EU juga bercadang memperkenalkan pensijilan mampan tunggal untuk minyak sawit yang memasuki pasaran Eropah.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong terus menyuarkan pandangan Malaysia bagi mempertahankan industri sawit melalui pertemuan dengan pemimpin dan duta negara EU. Beberapa negara EU seperti United Kingdom, Perancis dan Belanda tidak bersetuju dengan diskriminasi perdagangan minyak sawit. Malaysia terus mendapat sokongan negara pengimport, termasuk negara China melalui kenyataan duta besar ke Malaysia yang menyuarkan sokongan dan hasrat negara



MINDA
Datuk Dr Ahmad
Kushairi Din

**Ketua Pengarah
MPOB**

berkenaan meningkatkan import produk sawit.

Bagi menangani diskriminasi perdagangan minyak sawit dan memperjuangkan hak pekebun kecil, kerajaan terus meningkatkan interaksi dengan pihak berkepentingan di EU bagi menyalur maklumat tepat mengenai kemampuan industri sawit. Datuk Seri Mah Siew Keong dalam Misi Perundingan Sawit Malaysia – EU pada Februari lalu mengadakan pertemuan dengan pembuat dasar dan wakil kerajaan enam negara EU iaitu Jerman, United Kingdom, Belgium, Sepanyol, Itali dan Poland bagi mendapatkan sokongan dan menyatakan pendirian Malaysia yang menentang diskriminasi sawit.

Kerajaan juga melaksanakan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi memastikan pembangunan industri sawit yang mampan bagi peningkatan produktiviti, pemuliharaan hutan dan biodiversiti serta meningkatkan penyelidikan bagi mempelbagai penggunaan produk sawit.

Pensijilan MSPO yang membabitkan pelbagai sektor dalam industri sawit, termasuk sektor pekebun kecil membantu meningkatkan pendapatan. Pekebun kecil perlu memenuhi piawaian kemampuan seperti yang digariskan dalam Skim Pensijilan MSPO menjelang 31 Disember 2019.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) sawit dijalankan oleh MPOB membabitkan keseluruhan aspek sawit dari peringkat hulu, pertengahan dan hiliran yang menghasilkan teknologi dan inovasi bagi peningkatan prestasi industri sawit. Kajian yang dijalankan berjaya membuktikan minyak sawit selamat untuk pemakanan dan mempunyai banyak keistimewaan dari aspek kesihatan berbanding minyak sayuran lain.

Penyelidikan MPOB juga tertumpu ke arah peningkatan produktiviti tanaman sawit tanpa membabitkan pembukaan kawasan penanaman baharu. Ini selaras dengan komitmen Malaysia untuk mengekalkan lebih 50 peratus kawasan hutan negara agar terus terpelihara.

Malaysia akan terus memastikan pembangunan mampan industri sawit dan kelestarian alam sekitar terus dipelihara bagi kepentingan generasi akan datang dan sawit sebagai nadi ekonomi negara.

kushairi@mpob.gov.my



Datuk Seri Mah Siew Keong menghadiri mesyuarat dua hala dengan Pesuruhjaya Kesatuan Eropah untuk Tindakan Iklim dan Tenaga di Brussels, Belgium

Malaysia tegas bantah Resolusi Parlimen EU

➔ Penyisihan bio bahan api berasas sawit dikhuatiri pengaruhi negara pengimport

Oleh Dr Puah Chiew Wei
cwpuah@mpob.gov.my

▀ **Brussels, Belgium**

Malaysia terus menyuarkan bantahan terhadap keputusan pengundian Parlimen Eropah yang menyisihkan bio bahan api berasaskan sawit sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui Kesatuan Eropah (EU) bermula tahun 2021.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong yang mengetuai lawatan kerja ke EU pada 12 dan 13 Februari lalu berkata, keputusan penyisihan ini berpotensi menyebabkan bio bahan api berasaskan sawit tidak dapat bersaing dari segi harga berbanding dengan bio bahan api berasaskan tanaman lain.

Pada perjumpaan dengan Duta Besar dari negara pengeluar sawit termasuk Colombia, Ecuador, Honduras, Indonesia, Kepulauan Solomon dan Negara Thai, mereka menekankan kepentingan industri sawit di negara masing-masing termasuk sumbangannya terhadap pembangunan sosioekonomi terutamanya untuk membasmi kemiskinan dan menyara kehidupan para pekebun kecil.

Bio bahan api yang memenuhi sasaran tenaga boleh diperbaharui EU akan terus menikmati subsidi yang disediakan. Keputusan ini juga mendatangkan impak negatif terhadap industri sawit dan dikhuatiri mempengaruhi negara-negara pengimport bio bahan api berasaskan minyak sawit yang lain.

Dalam hal ini, delegasi Malaysia menekankan pembangunan industri sawit Malaysia yang mampan dan mesra alam serta kepentingannya terhadap pembangunan sosioekonomi negara.

Suarakan bantahan Malaysia

Lawatan kerja turut disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk K. Yogevaran; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Datuk Dr. Kalyana Sundram, dan Pengurus Kanan, Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Dr. Sanath Kumaran.

Lawatan kerja itu bertujuan menyuarkan bantahan Malaysia terhadap keputusan pengundian Parlimen Eropah pada 17 Januari 2018 yang menyisihkan bio bahan api berasaskan sawit sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui Kesatuan Eropah bermula tahun 2021.

Bagaimanapun, Parlimen Eropah mengundi untuk membenarkan bio bahan api berasaskan tanaman lain untuk terus diambil kira ke arah sasaran tenaga boleh diperbaharui Kesatuan Eropah sehingga tahun 2030.

Di samping itu, pembangunan industri sawit yang mampan termasuk peningkatan produktiviti, pemuliharaan hutan dan biodiversiti serta pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara

mandatori juga dibincangkan.

Mesyuarat dua hala juga diadakan dengan Pesuruhjaya Kesatuan Eropah untuk Tindakan Iklim dan Tenaga (European Commissioner for Climate Action and Energy) dan Ketua Pengarah Perdagangan.

Tak adil kepada industri sawit

Dalam mesyuarat dua hala itu, keputusan Parlimen Eropah yang mempamerkan elemen diskriminasi terhadap minyak sawit dibincangkan. Bagaimanapun, pihak EU menekankan, keputusan Parlimen Eropah ini tidak melarang penggunaan dan pengimportan bio bahan api berasaskan minyak sawit. Malaysia menekankan bahawa jurang tempoh sebanyak 10 tahun ini adalah tidak adil terhadap industri sawit dalam aspek perdagangan antarabangsa.

Pendekatan yang diambil oleh industri sawit negara untuk meningkatkan produktiviti tanaman sawit tanpa perlu membuka kawasan baharu memandangkan kekangan tanah yang sesuai untuk tanaman sawit juga dibincangkan.

Semua penggiat industri sawit termasuk lebih 650,000 pekebun kecil sawit akan mematuhi piawaian kemampuan seperti yang digariskan dalam Skim Pensijilan MSPO menjelang 31 Disember 2019.

Malaysia akan meneruskan usaha melobi para Ahli Parlimen EU, negara-negara anggota Kesatuan Eropah dan Suruhanjaya Kesatuan Eropah dalam menangani cabaran ini. Oleh itu, tindakan secara diplomatik akan diteruskan termasuk komunikasi yang lebih efektif dan interaksi secara berterusan dengan para penggubal dasar EU untuk memberi kesedaran demi menangani persepsi negatif terhadap minyak sawit.

Wageningen, MPOB meterai kerjasama penyelidikan bio plastik

➔ Bio plastik berasas sawit bernilai tambah tinggi dan mesra alam

Oleh Anis Mokhtar
nitar@mpob.gov.my

■ Kuala Lumpur

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memeterai perjanjian persefahaman (MOA) dengan Wageningen Food and Bio-based Research, Belanda bagi menjalankan kajian bersama penghasilan bahan pembungkusan bio plastik berasaskan batang sawit.


Perjanjian berkaitan penyelidikan dan pembangunan produk bio plastik itu bertujuan meningkatkan penggunaan batang sawit kepada penghasilan produk yang bernilai tambah selain penghasilan produk komposit.

Majlis menandatangani perjanjian

di antara Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din dan Pengarah Urusan Stichting Wageningen Research (WFBR), Dr RJ Bino disaksikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Kerjasama Pembangunan Belanda, Sigrig Kaag, di sini, baru-baru ini.

Perjanjian ditandatangani sempena mesyuarat kedua-dua pemimpin yang membincangkan isu berkaitan pembangunan dan kerjasama dalam industri sawit antara Malaysia dan Belanda.

Siew Keong berkata, pendirian Belanda yang membantah larangan penggunaan bio bahan api sawit dalam biodiesel melalui Resolusi Parlimen Kesatuan Eropah



Ahmad Kushairi bertukar dokumen perjanjian dengan RJ Bino sambil diperhatikan Siew Keong dan Sigrig Kaag pada majlis menandatangani perjanjian antara MPOB dan Wageningen Food and Bio-based Research, Belanda di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

(EU) yang tidak adil kepada negara pengeluar sawit disifatkan sebagai matang dan rasional.

“Pendirian awam dari wakil Kerajaan Belanda pada masa ini adalah penting, kerana Belanda mewakili destinasi eksport terbesar bagi minyak sawit Malaysia dalam kalangan 28 negara anggota EU.

Nilai eksport ke Belanda RM6.3 bilion

Katanya, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara EU mempunyai nilai keseluruhan RM11 bilion pada 2017. Daripada jumlah ini, eksport ke Belanda berjumlah RM6.3 bilion.

“Oleh itu, perbincangan dan wacana dua hala yang berterusan antara Malaysia dan Belanda perlu dipergiat untuk memastikan hanya

fakta yang tepat industri sawit disebarkan dengan berkesan,” katanya.

Siew Keong turut menegaskan komitmen Malaysia terhadap larangan perdagangan yang tidak wajar terhadap minyak sawit adalah untuk melindungi mata pencarian 650,000 pekebun kecil sawit Malaysia.

“Malaysia tidak akan bertolak ansur dengan tindakan pihak berkaitan yang mensabotaj pendapatan pekebun kecil,” katanya.

Selain itu, kedua-dua menteri juga bersetuju meningkatkan kerjasama dalam kepentingan bersama melalui Jawatankuasa Minyak Sawit Malaysia-Belanda.

Sementara itu, delegasi Belanda turut mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi bagi me-

ninjau peluang perniagaan dan projek penyelidikan MPOB yang berpotensi untuk dibangunkan bersama di samping meningkatkan hubungan baik antara kedua-dua pihak.

Lawatan disertai enam delegasi terdiri daripada Kaunselor Pertanian untuk Malaysia, Indonesia dan Singapura, Lucie Wassink; Pakar Ekonomi Bio-tenaga dan Asas-bio, Kees Kwant; Pengarah Urusan Industri Minyak dan Lelemak Belanda, Frans Claassen; Profesor di Universiti Wageningen, Bahagian Sains Tumbuhan, Maja Slingerland; Pengarah Urusan Asia Pasifik Paques, Rob van As; Ketua Projek di Institut Wageningen Bahagian Kajian Makanan dan Asas-bio; dan Pegawai Polisi untuk Pertanian, Kedutaan Belanda, Hoh Li Huan.

Malaysia tekad tangani kempen boikot sawit

Oleh Nur Affifah Baharim
affifah@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Kerajaan Malaysia terus komited dan tegas dalam menangani kempen boikot sawit oleh Kesatuan Eropah (EU) yang membabitkan masa depan 650,000 pekebun kecil sawit di negara ini.

Menurut Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, pekebun kecil tidak perlu gusar mengenai kempen boikot sawit oleh EU kerana kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi menangani isu ini.

Katanya, kerajaan tekad untuk terus mengadakan perbincangan bersama pihak Eropah bagi menangani isu berkenaan.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sendiri sudah memberikan arahan supaya kebajikan pekebun kecil terus ditutamakan dan terpelihara daripada

da kesan negatif isu ini.

Salah satu langkah adalah dengan memulakan dan melaksanakan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), serta mempelbagaikan penggunaan sawit dari masa ke masa melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Langkah proaktif

Menurut Siew Keong, ini adalah antara langkah proaktif yang dilakukan kerajaan bagi memastikan pendapatan pekebun kecil terus meningkat dan beliau yakin masa depan industri sawit negara adalah positif.

Dalam sesi temubual ‘Facebook Live’ bersama Sinar Harian, Siew Keong berkata, kempen anti sawit ini bukanlah sesuatu yang baharu berlaku kerana sebelum ini, EU pernah mengadakan kempen sama atas sebab kesihatan. Bagaimanapun, katanya, Malaysia sudah

berjaya membuktikan minyak sawit adalah selamat dan mempunyai kebaikannya yang tersendiri.

“Antaranya, minyak sawit kaya dengan vitamin A dan vitamin E serta tiada asid lemak trans. Jadi, daripada sudut kesihatan seharusnya tiada masalah yang timbul kerana ini adalah minyak terbaik,” katanya.

“Saya sendiri sudah 56 tahun menggunakan minyak sawit, sehingga kini saya masih sihat dan tiada masalah kesihatan.

Namun, kini timbul pula isu kemampunan alam sekitar dan ini bukan sahaja melibatkan negara kita tetapi juga negara pengeluar minyak sawit lain di seluruh dunia.

Katanya, isu ini tidak seharusnya timbul memandangkan Malaysia telah menetapkan 50 peratus kawasan hutan terus terpelihara. Ini adalah komitmen yang dibuat oleh Perdana Menteri sendiri.

“Malaysia membuat perakuan bahawa 50 peratus negara kita



Datuk Seri Mah Siew Keong ketika temubual ‘Facebook Live’ Sinar Harian.

akan masih kekal dengan hutan” jelas Siew Keong bagi menangkis dakwaan beberapa pihak bahawa Malaysia tidak menjaga alam sekitar dan memusnahkan hutan.

Selain itu, Malaysia juga memastikan tanaman sawit terus terpe-

lihara dengan pematuhan undang-undang.

Menyentuh mengenai alam sekitar, Siew Keong berkata produktiviti sawit lebih tinggi berbanding tanaman lain seperti soya dan biji sesawi.

China tingkat eksport sawit Malaysia

➔ Beijing beri jaminan import lebih banyak produk sawit Malaysia

Oleh **Insyirah Mohamad Shah**

insyirah@mpob.gov.my

Putrajaya

Kerajaan China memutuskan untuk tidak menengakan had bagi import minyak sawit selari dengan hasrat negara tersebut untuk mengimport produk sawit berjumlah USD8 bilion (RM31 bilion) dalam tempoh lima tahun ini.

Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian berkata, China masih lagi mengekalkan kedudukannya sebagai rakan perdagangan terbesar Malaysia selama lapan tahun berturut-turut.

“Kerajaan China juga sedang menilai kepentingan mengimport lebih banyak bahan api berasaskan biojisim sawit dari Malaysia,” katanya ketika kunjungan hormat ke atas Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, Februari lalu.

Yang turut hadir dalam perbincangan ketika kunjungan berkenaan ialah Senator Datuk Teo Kok Chee, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk

Dr. Ahmad Kushairi Din; Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Sutekno Ahmad Belon; Setiausaha Bahagian Kemaajuan Industri Sawit dan Sagu MPIC, Dr. Sugumari Shanmugam dan ketua pegawai eksekutif agensi yang terbabit dengan komoditi sawit dan getah.

Hargai sokongan China

“Saya amat menghargai sokongan berterusan China dengan mengimport lebih banyak minyak sawit Malaysia biarpun ada pihak cuba menjejaskan reputasi komoditi utama negara ini,” kata Siew Keong dalam sesi perjumpaan itu.

Beliau juga berharap Malaysia dan China dapat menjalin kerjasama dalam bidang biojisim sawit memandangkan Malaysia menghasilkan banyak bahan biojisim setiap tahun, manakala China mempunyai kelebihan sebagai antara pengeluar teknologi biojisim utama.

“Saya amat mengalu-alukan pelabur dari China untuk melabur dalam sektor hiliran di Malaysia dan mengeksport hasilnya ke negara lain.

“Malaysia juga akan menyediakan beberapa insentif berkaitan dalam usaha kami untuk memacu penggunaan biojisim di negara ini,” katanya.

Perkara lain yang turut dibincangkan adalah berkaitan biodiesel. Siew Keong berkata, MPOB baru-baru ini menyertai satu rundingan bersama Tsinghua University berkaitan penyelidikan biodi-



Siew Keong (kiri) dan Bai Tian (kanan) beramah mesra ketika kunjungan ke MPIC di Putrajaya, baru-baru ini.

Fakta nombor

RM380 BILION

Nilai hubungan dua hala Malaysia dan China pada 2017

esel di China.

Perlu 8 juta tan minyak sawit

Menyentuh perkara itu, Bai Tian menyatakan penggunaan diesel dalam pasaran China adalah sebanyak 165 juta tan dan 5 peratus daripada jumlah itu adalah biodiesel.

China dijangka memerlukan 8 juta tan minyak sawit bagi memenuhi keperluan biodiesalnya. Beliau menggesa pengeluar biodiesel berasaskan minyak sawit di

Malaysia untuk mengambil peluang mengeksport produk mereka ke China.

Pada 2017, hubungan dua hala Malaysia dan China menjangkau nilai AS\$96 bilion (RM380 bilion), pertumbuhan sebanyak 10.5 peratus berbanding 2016.

China juga bersedia melabur AS\$760 bilion (RM2.97 trilion) pada peringkat global. China adalah pengimport minyak sawit Malaysia ketiga terbesar selepas India dan Kesatuan Eropah pada 2017.

UK akui Resolusi EU bercanggah amalan perdagangan bebas, adil

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**

watie@mpob.gov.my

Putrajaya: Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Vicki Treadell mengakui Resolusi Parlimen Eropah melarang minyak sawit sebagai bio bahan api dan campuran tenaga boleh diperbaharui menjelang 2021, bertentangan dengan amalan perdagangan bebas dan adil.

Beliau bersetuju diskriminasi minyak sawit yang jauh lebih awal berbanding minyak sayuran lain yang dicadang dihapuskan pada 2030 di bawah Arahan Tenaga Boleh

Diperbaharui (*Renewable Energy Directive - RED*) adalah tidak adil.

Treadell menyatakan pandangannya ketika bertemu Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, di sini, baru-baru ini.

Perbincangan antara kedua-dua negara itu memberi tumpuan kepada cadangan Kesatuan Eropah (EU) yang melarang penggunaan minyak sawit sebagai bio bahan api menjelang 2021.

Peluang ekonomi baharu

Dalam pada itu, kedua-dua pihak turut membincangkan pelbagai bidang kerjasama pada masa depan

antara kedua negara terutama dalam meneroka pembangunan produk hiliran minyak sawit bagi mewujudkan peluang ekonomi baharu.

Kedua-dua pihak juga bersetuju mengadakan perbincangan meja bulat dengan penggiat industri sawit tempatan, pelabur dan pakar teknikal dari kedua-dua negara.

Siew Keong juga mengucapkan terima kasih kepada United Kingdom (UK) kerana ramai Ahli Parlimen Eropah (MEP) di Parlimen Eropah menentang larangan minyak sawit sejak Januari lalu, terutama MEP yang mewakili Parti Konservatif UK.



Siew Keong menyampaikan cenderamata syiling peringatan 100 tahun industri sawit kepada Treadell pada pertemuan di Putrajaya, baru-baru ini.

Pekebun kecil digesa tingkat daya saing

➔ Kerajaan sedia pelbagai bantuan, laksana program tingkat taraf hidup

Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

▀ Jasin

Pekebun kecil sawit digesa bersikap lebih proaktif dan merebut segala peluang serta kemudahan yang disediakan kerajaan bagi menjamin peningkatan taraf sosioekonomi mereka.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata demikian ketika berucap merasmikan Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Jasin, di Sungai Rambai di sini, baru-baru ini.

Katanya, kerajaan menyediakan pelbagai bantuan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit, sekali gus meningkatkan pencapaian industri.

“Kerajaan menyediakan peruntu-

kan besar melalui bantuan kepada pekebun kecil sawit seluruh negara.

“Ini adalah komitmen kerajaan bagi memacu kemajuan industri sawit dan sosioekonomi penduduk luar bandar,” katanya.

Tambahnya, kemajuan industri sawit yang merupakan tanaman komoditi utama negara pastinya membabitkan peranan pekebun kecil di seluruh negara.

“MPOB memberi perhatian penting terhadap usaha meningkatkan keupayaan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit secara persendirian bagi mencapai peningkatan pengeluaran hasil buah sawit berkualiti.

“Ini sejajar dengan transformasi sektor pekebun kecil membabitkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan pengeluaran mampan bagi peningkatan produktiviti dan pendapatan,” katanya.

Katanya, kerajaan melalui MPOB melaksanakan pelbagai program untuk pekebun kecil persendirian yang mengusahakan tanaman sawit bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup.

Sediakan peruntukan

“Antaranya menyediakan peruntukan kepada pekebun kecil sawit yang menanam semula dan mengusahakan tanaman baharu.

“Pekebun kecil diberi peluang



Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan sijil MSPO kepada wakil Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) Sungai Rambai, Melaka.

mendapatkan bantuan bagi melaksanakan integrasi tanaman atau integrasi ternakan dengan sawit,” katanya.

Katanya, bantuan yang disediakan adalah bagi menggalakkan pekebun kecil meningkatkan produktiviti dan pendapatan melalui penggunaan tanah dan sumber semula jadi secara optimum.

Beliau turut menyentuh keperluan menghasilkan minyak sawit secara mampan yang turut membabitkan sektor pekebun kecil.

“Bagi memastikan pensijilan mampan dilaksanakan pihak industri, termasuk pekebun kecil, pelaksanaan secara mandatori Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) kepada pekebun sawit akan berkuat kuasa menjelang 31 Disember 2019.

Tingkat pengeluaran

“Ini bertujuan meningkatkan pengeluaran minyak sawit mampan untuk jangka masa panjang serta jaminan pasaran di luar negara.

“Kerajaan melalui MPOB komited membantu pekebun kecil meningkatkan pengeluaran dan amalan pensijilan pengeluaran minyak sawit mampan.

“Bagi tujuan ini, kerajaan turut menyediakan bantuan kepada pekebun kecil dalam bentuk bayaran yuran pensijilan MSPO, menyediakan latihan berkaitan pensijilan MSPO, penyediaan rak penyimpanan bahan kimia dan peralatan perlindungan diri (PPE),” katanya.

Thailand, Ghana tinjau kepakaran bangun industri sawit Malaysia

Oleh Siti Nurhajar Mariam
Che Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata produk sawit mampan Malaysia bukan sahaja penting untuk rakyat negara ini, bahkan turut sama penting kepada pengguna di lebih 200 negara lain di dunia.

“Negara luar kini boleh bergantung kepada sumber bekalan produk sawit yang terjamin dari Malaysia yang berkualiti dan mampan.

“Pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori kepada penggiat industri menjelang hujung tahun 2019 membantu melonjakkan lagi kualiti minyak sawit mampan tempatan ke tahap global” katanya semasa berucap mengalu-alukan Menteri Kewangan Thailand, Sontirat Sontijirawong yang mengunjungi ibu pejabat MPOB, di sini

baru-baru ini.

Kunjungan beliau dan delegasi bertujuan mendapatkan pendedahan mengenai polisi, pengurusan, dan kawal selia aktiviti industri sawit yang dipraktikkan MPOB.

Sebagai pemangkin kesejahteraan industri, MPOB melesenkan semua aktiviti berkaitan dengan penanaman, penjualan, pembelian, pengeluaran, pemindahan, penyimpanan, pemeriksaan, pengujian, pengeksportan, pengimportan dan pengilangan produk sawit bagi memastikan kualiti produk sawit mencapai piawaian yang ditetapkan MSPO.

Dalam satu kunjungan lain, Ahmad Hamzah turut menerima kunjungan Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri Ghana, Robert Ahomka Lindsey, dan delegasi yang bertujuan mengenali industri sawit negara selain meneroka potensi kerjasama dengan MPOB.

Ahmad Hamzah berkata, lawa-



Sontirat Sontijirawong menandatangani buku pelawat pada lawatan kerja beliau ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi, sambil diperhati Datuk Seri Ahmad Hamzah (kanan).

tan seumpama ini mampu memberi pemahaman yang lebih baik mengenai perkembangan sektor industri sawit Malaysia dan tanggungjawab yang digalas MPOB dalam penyelidikan dan pembangunan industri.

MPOB yang dilihat sebagai pusat rujukan terulung dalam penyelidikan sawit dunia mendorong delegasi berkenaan mengambil kesempatan berkunjung ke MPOB sempena Forum Urban Dunia (WUF) yang dihadiri di Kuala Lum-

pur, baru-baru ini.

Ketika pertemuan itu, Robert mengutarakan beberapa amanat utama mewakili kerajaan dalam mencari peluang kerjasama bersama MPOB. Antara hasrat yang diluahkan beliau ialah harapan berkolaborasi bersama MPOB khususnya dalam penyelidikan teknologi yang dibangunkan MPOB.

“Ghana mempunyai lebih 6.3 juta hektar tanah subur untuk dibangunkan sebagai tanah pertanian. Dengan ini kami merancang

untuk mentransformasi industri pertanian sedia ada dengan memberi lebih fokus tanaman sawit yang dilihat mampu memberi pulangan jangka panjang berbanding tanaman komoditi lain di Ghana. Bagi merealisasikan misi itu, bantuan dan sokongan MPOB amat saya alu-alukan,” kata Robert.

Katanya, sawit adalah tanaman komoditi utama di Ghana dan merupakan negara pengeluar minyak sawit kedua terbesar di Benua Afrika dan ke-10 di dunia.



Pokok salak yang sudah mengeluarkan hasil yang ditanam secara integrasi dengan sawit.

Integrasi tanaman salak dengan sawit

➔ Inisiatif jana pendapatan tambahan kepada penanam sawit, optimumkan penggunaan tanah

Oleh Norkaspi Khasim dan Raja Zulkifli Raja Omar
 kaspim@mpob.gov.my
 rajazul@mpob.gov.my

Salak (*Salacca zalacca*) adalah tanaman asli dari Indonesia dan Malaysia. Buah salak juga dikenali sebagai buah ular (snake fruit) disebabkan kulit buahnya yang berseksi berwarna coklat kemerah-merahan dan tumbuh di pangkal pokok.

Pokok salak ditanam di kawasan mempunyai jumlah hujan yang tinggi di Malaysia dan biasanya ditanam di bawah pokok kerana tanaman ini memerlukan jumlah cahaya yang terhad.

Oleh itu, tanaman ini dikaji untuk integrasi dengan sawit menggunakan sistem penanaman sawit dua baris. Sawit tumbuh dengan baik di bawah perakaran sawit dan mengeluarkan hasil setanding dengan penanaman salak sahaja.

Buah salak mempunyai rasa yang manis dengan aroma yang baik. Terdapat permintaan tinggi dari industri kecil dan sederhana untuk pengeluaran jeruk.

Di Malaysia, pengeluaran salak tidak mencukupi dan kebanyakannya diimport dari Indonesia atau Thailand. Disebabkan kekurangan bekalan tempatan, pengimportan buah salak dijangka

meningkat, dengan itu meningkatkan harga salak di pasaran. Integrasi salak dengan sawit mengoptimalkan penggunaan tanah serta menjana pendapatan tambahan bagi penanam sawit.

Penanaman salak
 Untuk integrasi salak di kawasan sawit, ia perlu ditanam dengan sistem tanaman sawit dua baris. Melalui sistem ini, kepadatan sawit adalah 136 pokok sehektar.

Barisan tanaman perlu ditanam mengikut arah timur-barat untuk memastikan penembusan cahaya matahari. Kawasan tanaman sawit perlu bebas dari takungan air.

Anak benih salak yang berusia tujuh bulan disorokkan untuk penanaman di ladang. Anak benih salak perlu dibersihkan dalam polibeg bersize 20 cm x 12 cm. Hanya benih yang baik, bebas daripada perosak dan penyakit yang akan ditanam di ladang.

Adalah disorokkan kerja-kerja penanaman dilakukan selepas musim hujan. Nisbah pokok jantan dan betina adalah 1:4 (56 pokok jantan dan 224 pokok betina). Pokok salak jantan perlu ditanam di antara baris pokok betina sebagai penjaga di antara barisan.

Merumai secara manual adalah sangat digalakkan di kawasan integrasi salak secara bulatan menggunakan cangkul di sekeliling pokok salak.

Rumput di antara barisan pokok salak dibersihkan menggunakan pemotong rumput dengan kekerapan selang 45 hingga 60 hari, atau bersamaan dengan 6 hingga 8 pusingan setiap tahun.

Pamangkas dan pendebungaan
 Pamangkas anak sulur di peringkat awal pertumbuhan untuk mengelakannya daripada menyaingi pertumbuhan

han pokok induk. Pemangkas juga akan memudahkan kerja-kerja pengendalian dan penuaian apabila pokok salak mula mengeluarkan hasil.

Aktiviti pemangkas dijalankan tiga pusingan setahun menggunakan sabit khusus. Anak sulur dan bahagian tanaman lain yang dipangkas, di susun di barisan pelepas sawit.

Salak adalah tumbuhan dioecious, oleh itu pendebungaan adalah sangat penting. Pendebungaan salak biasanya berlaku melalui angin dan serangga.

Terdapat beberapa serangga pendebungaan yang tersedia secara semula jadi. Adalah disorokkan kumbang daripada spesies *Nodocnemis* sp.

Pendebungaan dengan bantuan tangan dilakukan dengan mengetuk spikelet bunga jantan ke bunga betina.

Kawalan serangan perosak
 Perosak seperti tikus dan musang biasa menyerang tanaman salak.

Perosak ini kebiasaannya menyerang buah yang belum matang dan yang masak. Serangan pada tandan yang belum masak menyebabkan hasil menurun.

Perosak ini boleh dikawal menggunakan seperti wafarin atau brodifacoum.

Penuaian
 Pokok salak mengeluarkan hasil dua atau tiga tahun selepas ditanam dan mengeluarkan hasil sepanjang tahun.

Tempoh produktif antara 20 hingga 30 tahun atau lebih. Buah salak mula masak antara lima hingga tujuh bulan selepas pendebungaan berlaku.

Kebiasaannya, musim penuaian utama antara September hingga November setiap tahun. Tandan yang matang mempunyai

buah berwarna coklat terang berkilat dan aroma yang manis. Tandan yang masak boleh dituai dengan memotongnya menggunakan sabit.

Penilaian teknikal
 Integrasi salak dengan sawit dalam sistem kelapa sawit dua baris secara teknikal adalah berdaya saing. Pokok salak tumbuh dengan baik dan bertoleransi kepada naungan pelepas sawit.

Kajian menunjukkan salak boleh menghasilkan buah purata sehingga 1.50 tan sehektar setahun.

Di samping itu, integrasi salak tidak mengganggu pengeluaran tandan serangga (BTS) berdasarkan kajian yang dijalankan MPOB.


Penilaian ekonomi
 Kos integrasi salak dengan sawit dalam sistem sawit dua baris berdasarkan analisis pelaburan dikira berdasarkan andaian bahawa salak menghasilkan 8 kilogram buah per pokok dengan harga jualan RM4 sekilogram dan jangka hayat ekonomi salak ialah 20 tahun.

Parameter kewangan seperti Nilai Kini Bersih yang dikira pada kadar diskaun 10% menghasilkan pulangan RM20,592. Kadar Pulangan Dalaman ialah 50%. Kadar Faedah Kos ialah 2.5 dan tempoh bayaran balik ialah empat tahun.

Oleh itu, integrasi salak dengan sawit menggunakan sistem sawit dua baris boleh dilaksanakan dari segi kewangan oleh penanam sawit.

Salak mempunyai potensi besar untuk diintegrasikan dengan sawit dengan menggunakan sistem sawit dua baris.

Penggunaan tanah dapat dioptimumkan melalui integrasi ini menjana pendapatan tambahan pekebun kecil sawit. Ia juga akan menyumbang kepada industri pengeluaran buah-buahan dan ekonomi negara Malaysia.



Kit RT-LAMP bagi mengesan penyakit OS-CCCVD pada pokok sawit. (Ai) Daun yang dijangkiti penyakit bintik oren (OS) (Aii) pengesanan positif menukarkan warna oren kepada hijau (Aiii) penghasilan lengkung amplifikasi. Daun yang kelihatan sihat (Bi) pengesanan negatif dengan warna kekal oren (Bii) tiada lengkung amplifikasi terhasil.

Teknologi terkini kesan penyakit bintik oren pada pokok sawit

Oleh Madiah Ahmad Zairun dan Dr. Maizatul Suriza Mohamed
 madiah@mpob.gov.my
 suriza@mpob.gov.my

Penyakit bintik oren (OS) merupakan penyakit sawit disebabkan oleh varian viroid kelapa cadang-cadang (CCCVD) di kawasan penanaman kelapa di Filipina sejak 1930-an.

Penemuan jujukan RNA viroid CCCVD pada pokok sawit yang dijangkiti penyakit OS dilaporkan di Malaysia pada 2006.

Kajian mendapati serangan penyakit OS pada pokok sawit sangat rendah dan pokok yang dijangkiti merupakan kes terencil dan tidak memberi kesan nyata terhadap ekonomi sawit negara.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Unit Ganoderma dan Penyakit Sawit (GanoDROPS) menggerak langkah awal bagi membangunkan kit pengesanan OS-CCCVD agar langkah pencegahan dan pembendungan dapat dijalankan.

Kit pengesanan transkripsi berbalik amplifikasi isothermal berperantakan gegelung (RT-LAMP) berjaya dirangka untuk mengesan penyakit OS-CCCVD pada pokok sawit.

Pembangunan kit ini bagi menambah baik teknik pengesanan sedia ada yang memerlukan masa lebih lama untuk analisa dan kadar pengesanan dalam konsistensi rendah.

Justeru, pembangunan kit pengesanan ini adalah tepat dengan menawarkan kaedah lebih mudah, cepat dan murah bagi menyaring pokok sawit yang dijangkiti penyakit varian OS terutamanya pada skala besar.

Sensitiviti kit pengesanan RT-LAMP lebih tinggi berbanding teknik amplifikasi konvensional. Ia dapat mengesan OS-CCCVD walau dalam kuantiti rendah.

Novelti teknologi
 Kit RT-LAMP memampukan penggunaan pewarna dan kekeruhan bagi mengesan OS-CCCVD.

Pengesanan adalah ringkas di mana eraman boleh menggunakan rendaman air atau mesin turbidimeter yang mengesan kadar kekeruhan.

Kit RT-LAMP ini hanya memerlukan RNA yang sedikit untuk pengesanan. Tambah pula kit RT-LAMP ini menggunakan sistem tertutup yang tidak membabitkan penggunaan gel elektroforesis.

Ini mengurangkan masa diagnosis, mengelakkan kontaminasi silang antara sampel dan menghindarkan keputusan palsu.

Oleh kerana kit RT-LAMP dijalankan pada satu suhu sahaja, masa eraman dapat dipendekkan dan ini adalah praktikal jika digunakan dalam pemeriksaa sampel bersize besar sama ada di makmal atau lapangan.

Pembangunan kit RT-LAMP
 Kit RT-LAMP dapat mengesan OS-CCCVD dengan menggunakan empat pencetus spesifik.

Kit pengesanan RT-LAMP menyediakan kaedah baharu untuk diagnostik dan penyaringan penyakit OS-CCCVD pada pokok sawit dan ini boleh memberi manfaat kepada agensi kuarantin (seperti Jabatan Pertanian dan MAQIS) dan industri sawit (terutamanya pengeluar benih dan anak sawit) bagi melindungi industri sawit negara.

Kit pengesanan penyakit OS-CCCVD mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa apabila memenangi anugerah Emas di 27th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2016.



Kit RT-LAMP.

FIRST ANNOUNCEMENT

TOT2018
 24th MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR AND EXHIBITION

Tuesday, 3 July 2018
 MPOB Head Office, Bangi, Selangor

To be Officiated by
 Minister of Plantation Industries and Commodities

TOT seminar contributes towards energising the industry with innovations and opportunities for wealth creation by offering new technologies and services for adoption and commercialisation.

Technologies and services related to:
 • Plantation
 • Biotechnology
 • Milling and Processing
 • Oleochemical
 • Food and Nutrition

Launch of the new technologies and services
 Exhibition on new products and services

ENQUIRIES:
 Registration
 • Nurul Aishah Musa
 03-8769 4569
 nurul.aishah.musa@mpob.gov.my

Technical
 • Suriya Mohamad
 03-8769 4579
 tot@mpob.gov.my



Buah salak mendapat permintaan tinggi dan berpotensi dikomersialkan.

Pokok salak ditanam secara integrasi dengan pokok sawit mengoptimalkan penggunaan tanah serta menjana pendapatan tambahan bagi penanam sawit.

Warga MPIC disaran guna media sosial sebar maklumat positif

➔ Kerjasama agensi, swasta beri hasil terbaik

Oleh Muhammad Asyraf Hussin dan Noor Asmawati Abdul Samad
asyrafhussin@mpob.gov.my
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Warga kerja Kementerian Perusahaan Perlombongan dan Komoditi (MPIC) serta agensi dan majlis di bawahnya disaran menggunakan media sosial sebagai medium bagi menyebarkan maklumat yang positif.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra dengan warga MPIC, di sini, baru-baru ini.

“Gunakan media sosial dengan sebaiknya untuk menyebarkan maklumat yang positif.

“Perubahan dan persaingan berlaku dengan pantas, terutama dalam sistem penyampaian dan teknologi maklumat. Media sosial



Tan Sri Ali Hamsa bergambar bersama warga MPIC yang hadir pada Majlis Ramah Mesra di Putrajaya.

menjadi medium penyampaian maklumat yang diguna pakai secara meluas,” katanya.

Katanya, penjawat awam perlu menggunakan teknologi sedia untuk kebaikan dan berkongsi maklumat yang bermanfaat dan memberi gambaran positif.

Beliau turut menyentuh mengenai Kerjasama Strategik Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang kini dipraktikkan dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

Katanya, kerjasama antara agensi dan pihak swasta akan memberikan hasil terbaik dengan kos yang

terendah, malah mampu dilaksanakan dengan cepat dan cekap.

Katanya, banyak inovasi baru yang diperkenalkan melalui NBOS kerana ia memudahkan proses penghasilan teknologi.

Penganjuran Majlis Ramah Mesra KSN bersama warga MPIC dan

agensi adalah sempena Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Pertemuan bersama warga MPIC ini memberi suntikan yang baik dan beliau bangga dengan kesungguhan yang dizahirkan oleh semua warga MPIC.

Beliau juga menyampaikan amanat dan beberapa prinsip pentadbiran kerajaan yang telah ditekankan Perdana Menteri Malaysia iaitu ekonomi, global, wawasan, rakyat di hati dan penyampaian berkesan.

Pada majlis berkenaan beliau turut menyampaikan surat kenaikan pangkat dan anugerah kepada kakitangan yang telah lama berkhidmat kepada kakitangan agensi di bawah MPIC.

Yang turut hadir pada majlis berkenaan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Tan Sri Zainal Rahim Seman; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk K. Yoge-svaran, ketua-ketua pengarah agensi dan ketua-ketua pegawai eksekutif majlis di bawah MPIC.

KSN turut meluangkan masa melawat Galeri MPIC yang menempatkan pameran teknologi dan produk komoditi yang dihasilkan oleh agensi dan majlis di bawah MPIC.

Delegasi Parlimen Belia Malaysia kunjungi MPOB

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Isu industri sawit mendapat perhatian generasi belia bakal pemimpin negara Malaysia dan mereka berkunjung ke ibu pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini baru-baru ini bagi mendapatkan pencerahan.

Sepuluh ahli delegasi Parlimen Belia Malaysia disambut Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah untuk sesi perbincangan mengenai isu Kesatuan Eropah (EU), buruh dan kemungkinan yang membabitkan industri sawit. Turut serta dalam perbincangan itu, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

Sesi perbincangan dimulakan taklimat latar belakang industri sawit dan pembangunannya secara mampan di Malaysia.

Parlimen Belia Malaysia adalah satu program belia dan simulasi persidangan Parlimen Malaysia untuk belia berumur antara 18 hingga 30 tahun.

Ia memberi pendedahan kepada generasi muda mengenai operasi sistem Parlimen Malaysia dan seterusnya meningkatkan pengetahuan mereka mengenai proses pentadbiran negara.

Teknologi MPOB raih pingat MTE 2018

Syed Mohd Hazry Syed Hamid
mohd.hazry@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meraih pingat emas sempena Malaysian Technology Expo (MTE) 2018 menerusi inovasi bertajuk *SureSawit Diagnostic Assays: Application of Genome Technology to Enhance the Sustainability of the Oil Palm Industry*.

Dalam acara tahunan itu, MPOB turut merangkul dua perak, empat gangsa dan tiga merit melalui beberapa inovasi yang mengambil bahagian dalam MTE 2018 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, baru-baru ini.

Pingat emas diperolehi oleh inovasi diketuai Pegawai Penyelidik Pusat Bioteknologi dan Biak Baka MPOB, Dr. Low Eng Ti menerusi inovasi *Sure Sawit Diagnostic Assays: Application of Genome Technology to Enhance the Sustainability of the Oil Palm Industry*.

Pingat Perak pula dimenangi



Dr. Low Eng Ti (tengah) bersama pemenang pingat MTE 2018 di Kuala Lumpur.

inovasi bertajuk *Production of Different Grade Of Oil Palm Based Carboxymethyl Cellulose* oleh Dr Nur Eliyani Othman; dan *Micro Fibrillated Cellulose from Oil Palm Biomass Fibers* oleh Dr Fatiha Ismail.

Empat pingat gangsa oleh inovasi *Battery Powered Oil Palm Harvesting Tool* oleh Ab-

dul Razak Jelani; *Production of Sandwich Board From Oil Palm Trunk* oleh Dr Anis Mokhtar; inovasi *Green and Innovative Palm-Based Micro-emulsions Consisting Natural Insect Repellent as Multipurpose Liquid Cleaners* oleh Dr Ismail Ab. Rahman; dan *Production of Salak (Salacca Za-*

lacca) Integrated with Oil Palm oleh Norkaspi Khasim.

Tiga dapat anugerah merit

Tiga inovasi yang mendapat anugerah merit ialah *Vibration Isolator for Vibrating Tools* oleh Abdul Razak Jelani; *Production Of 1,3-Propanediol from Waste Glycol via Biotechnological Approach* oleh Stasha Eleanor Rosland Abel; dan inovasi *Heterogeneous Glycerolysis Reaction As Pre-Treatment Process of Palm Fatty Acid Distillate For Biodiesel Production* oleh Nur Azreena Idris.

MTE 2018 anjuran Malaysian Association of Research Scientist (MARS) dan PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn Bhd bertemakan *Asia's Inventions and Innovations Marketplace* adalah pertandingan reka cipta yang memberi peluang kepada pereka cipta dan saintis untuk mempamerkan idea inovatif dan kreatif hasil ciptaan mereka.

Sebanyak 27 kategori ditetapkan penganjur bagi 250 penyertaan inovasi mewakili 112 agensi seluruh Malaysia.

Biodiesel B10 lebih stabil untuk enjin kenderaan

➔ Syarikat pengangkutan, pengeluar diseru bekerjasama

Oleh Nursyairah Jalil
nursyairah@mpob.gov.my

➔ Bangi

Sejumlah 60 wakil pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan serta persatuan automotif, pengeluar dan pengedar kenderaan menghadiri sesi konsultasi berhubung pelaksanaan program B10 (adunan 10 peratus biodiesel sawit dengan 90 peratus diesel petroleum) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini, baru-baru ini.

Sesi konsultasi bersama pengedar dan pengeluar kenderaan berenjin diesel komersial dan syarikat pengangkutan berhubung pelaksanaan program biodiesel B10 dipengerusikan Pengarah Bahagian Penyelidikan Kejuruteraan dan Pemprosesan MPOB, Dr. Astimar Abdul Aziz.

Antara wakil kementerian dan jabatan/agensi kerajaan yang hadir adalah Jabatan Pengangkutan Ja-

lan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Institut Automotif Malaysia (MAI) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Wakil lain dari Persatuan Pengeluar Biodiesel (MBA), persatuan pengangkutan terdiri dari Felda Transport Services Sdn Bhd, Association of Malaysian Hauliers (AMH), Pan Malaysian Lorry Owners Association (PMLOA) serta Persatuan Automotif Malaysia (MAA) dari pengedar atau pengeluar kenderaan diesel (Original Engine Manufacturers - OEM) iaitu Mercedes-Benz, Volvo, MAN, Scania, UD Truck, Hino, Toyota, Isuzu, Mazda, Mitsubishi, Ford, DRB-Hicom dan R&A Commercial Vehicle.

MPOB mengadakan beberapa siri konsultasi bersama pihak berkepentingan bertujuan memberi penjelasan dan pemahaman berhubung penggunaan biodiesel B10 dari aspek teknikal terutama kesesuaian enjin, penyelenggaraan, lanjutan jaminan enjin dan kos operasi serta aspek persekitaran.

Penerimaan B10

Perbincangan memberi ruang kepada persatuan pengangkutan sebagai pengguna yang mengoperasikan lori atau trak diesel secara pukal untuk mendapatkan penjelasan terus dari syarikat OEM berhubung penerimaan B10.



Sebahagian wakil pengedar dan pengeluar kenderaan diesel komersial serta syarikat pengangkutan yang menghadiri sesi konsultasi berkaitan pelaksanaan Program B10 di Malaysia.

Merujuk kepada penerimaan B10 oleh syarikat OEM, terutama pengeluar Eropah, MPOB menekankan secara teknikal biodiesel berasaskan sawit adalah lebih stabil berbanding biodiesel berasaskan minyak sayuran lain seperti soya, sesawi dan jagung yang digunakan pada kajian enjin di negara pengeluar kenderaan.

Dengan mengambil kira faktor iklim tropika, kesan penggunaan biodiesel sawit terhadap enjin pastinya berbeza dan wajar disemak semula.

Sebagai contoh, Persatuan Pengeluar Automotif Jepun (JAMA) menerima adunan biodiesel sawit sehingga 20 peratus (B20) untuk kenderaan diesel mematuhi pelepasan ekzos Euro4/IV dan ke bawah pada Disember 2016.

Pendirian asal JAMA terhadap penerimaan maksima adunan biodiesel sebelum interaksi dengan MPOB adalah 7 peratus sahaja.

OEM yang hadir turut memberi pandangan terhadap kesesuaian penggunaan biodiesel B10 pada kenderaan masing-masing.

MPOB turut berkongsi maklumat berhubung pelaksanaan program biodiesel di negara lain seperti

Indonesia yang melaksanakan program biodiesel B20 sejak 2016, manakala Colombia menggunakan biodiesel B10 sejak 2012 tanpa sebarang masalah dilaporkan.

PMLOA turut menekankan tiga isu utama iaitu kesesuaian pada kenderaan lama yang sedang digunakan, kenderaan berteknologi terkini (Euro5 ke atas) dan kos bahan bakar berikutan menggunakan biodiesel sawit yang lebih mahal.

MPOB turut menjelaskan, syarikat pengangkutan akan mempunyai pilihan sama ada menggunakan Euro5 B7 atau diesel industri (B0) apabila biodiesel B10 dilaksanakan kelak.

MPOB menegaskan kajian menyeluruh penggunaan biodiesel sawit pada enjin kenderaan berteknologi tinggi sedang dibincangkan dengan JAMA dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Terus promosi sawit

Menyentuh aspek kos bahan bakar, MPOB menyatakan penetapan harga runcit bahan bakar di stesen minyak ditentukan oleh Kerajaan dengan mengambil kira pelbagai faktor, terutama komponen diesel yang mempunyai peratusan yang

tinggi dalam adunan.

Berhubung isu penyekatan penggunaan biodiesel sawit di Eropah pada 2021, Malaysia tetap akan mempromosikan penggunaan biodiesel sawit dalam negara bagi menyokong kelestarian industri sawit Malaysia.

Program Biodiesel di Malaysia adalah agenda nasional yang memerlukan sokongan bukan sahaja daripada industri sawit malah daripada industri petroleum, pengangkutan dan logistik, automatik dan lain-lain industri yang menggunakan bahan bakar diesel.

MPOB yakin manfaat Program Biodiesel ini dilihat secara menyeluruh dari pelbagai aspek.

Bagi aspek persekitaran, penggunaan biodiesel dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) di sektor pengangkutan dengan penggunaan bahan bakar yang lebih bersih, boleh diperbaharui dan mesra alam.

Dari aspek ekonomi, program ini membantu pertumbuhan ekonomi negara di sektor komoditi menerusi manfaat peningkatan atau kestabilan harga minyak sawit kepada pekebun kecil selain menjana pendapatan negara.

Brazil dapat penjelasan MPOB isu 3-MCPDE

Oleh Nor Asliza Semiran
norasliza@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan delegasi dari Brazil baru-baru ini bagi membincangkan isu keselamatan makanan khususnya 3-MCPDE.

Delegasi Brazil diketuai Konsul Kehormat Malaysia ke Para, Brazil, Iderlon Azevedo turut disertai wakil Syarikat Agro Palma Brazil terdiri dari Pengarah Industri, Homero Sousa dan Pengurus Industri, Valmir Adams.

Syarikat Agro Palma Brazil adalah antara pemain utama industri sawit Brazil. Lawatan itu bertujuan bertukar pendapat mengenai langkah dan kaedah menangani masalah pembentukan 3-MCPDE dalam minyak sawit bertapis.

Menurut Pengarah Bahagian

Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian, Malaysia memandang serius isu 3-MCPDE khususnya menyentuh soal keselamatan makanan pengguna.

Justeru, Kerajaan Malaysia menyediakan peruntukan khas RM50 juta bagi menggalakkan penggunaan kaedah dan teknologi pengilangan dan penapisan yang mampu menghapuskan bahan kontaminasi 3-MCPDE dan GE.

Delegasi Brazil turut menyuarakan kebimbangan mereka mengenai isu 3-MCPDE dan GE di mana isu keselamatan ini boleh menjejaskan pengeksportan minyak sawit Brazil ke negara pengimport.

Menurut Homero Sousa, kumpulan penyelidik di Agro Palma Brazil giat menjalankan penyelidikan mengenai kaedah dan tek-

nologi yang boleh menangani pembentukan 3-MCPDE dalam minyak sawit bertapis.

Katanya, setakat ini kumpulan penyelidik Syarikat Agro Palma Brazil berjaya menurunkan paras 3-MCPDE di bawah 1 bahagian per sejuta (ppm), namun keputusan penyelidikan mereka tidak konsisten.

Melalui pertemuan itu, delegasi Brazil dan MPOB saling menyalurkan input dan bertukar idea mengenai kaedah dan langkah untuk menangani isu pembentukan 3-MCPDE.

Kaedah dan langkah yang diutarakan adalah berpandukan penyelidikan yang dijalankan oleh pegawai penyelidik MPOB.

Syarikat Agro Palma Brazil juga mengakui Malaysia sebagai penanda aras dalam industri minyak sawit dan MPOB merupakan sum-



Perbincangan antara delegasi Brazil dan MPOB di Bangi.

ber rujukan utama untuk mendapatkan maklumat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) terkini berkaitan industri sawit.

European Food Safety Authority (EFSA) pada awal 2016 mengeluarkan laporan mengenai kandungan bahan kontaminasi ester 3-monokloropropandiol (3-MCPDE) dan ester glisidol (GE) yang terdapat di

dalam minyak sayuran termasuklah minyak sawit dan minyak isirung sawit bertapis.

Laporan yang menyentuh isu keselamatan makanan tersebut bukan sahaja menimbulkan kebimbangan di kalangan negara pengeluar utama minyak sawit seperti Indonesia dan Malaysia, bahkan juga negara pengeluar minyak sawit lain seperti Brazil.

CADANGAN KESATUAN EROPAH SEKAT PENGGUNAAN BIO BAHAN API SAWIT

Kehidupan 650,000 pekebun kecil terancam



Pada 16 Januari 2018, beberapa pemimpin dan pekebun kecil di Malaysia berkumpul di Kuala Lumpur untuk membantah dan menyatakan rasa ketidakpuasan hati terhadap hasrat Parlimen Kesatuan Eropah menyekat penggunaan bio bahan api berasaskan minyak sawit serta memperkenalkan pensijilan tunggal untuk minyak sawit dan produk-produk hilirannya selepas 2020.

Kira-kira 2,000 pekebun kecil bersama pemimpin mereka berarak ke pejabat Duta Besar Kesatuan Eropah di Jalan Tun Razak untuk menyerahkan memorandum bantahan terhadap cadangan sekatan oleh Kesatuan Eropah ini.

Mereka mewakili empat organisasi pekebun kecil sawit iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia (NASH), Lembaga Penyatuan & Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) dan Persatuan Penanam Kelapa Sawit Dayak Sarawak (DOPPA).

Kebanyakan mereka datang dari setiap pelosok negeri termasuk dari kawasan pedalaman di Sara-

wak yang mengambil masa lebih dua hari untuk sampai ke Kuala Lumpur.

Ini menunjukkan betapa kritikalnya tindakan Kesatuan Eropah ini yang dilihat akan menjejaskan kehidupan keluarga dan juga masa depan komuniti mereka.

Suarakan kekecewaan

Mereka sanggup menempuh perjalanan jauh semata-mata untuk menyuarakan kekecewaan mereka kepada Duta Besar Kesatuan Eropah, Maria Castillo Fernandez.

Salah seorang wakil NASH yang datang dari Kedah, Azhar Osman, berkata minyak sawit adalah minyak sayuran berkhasiat dan sangat berguna.

Katanya, ia juga sesuai dijadikan sebagai sumber pendapatan jangka masa panjang untuk pekebun kecil.

“Saya menyeru Kesatuan Eropah tidak memboikot membeli minyak sawit kerana ini akan menyebabkan lambakan minyak sawit di pasaran dunia seterusnya menjejaskan pendapatan mereka sehingga 50 peratus.

“Malah minyak sawit tidak memusnahkan alam sekitar atau-



Sebahagian pekebun kecil dan peneroka sawit yang turut serta dalam penyerahan memorandum bagi membantah cadangan sekatan oleh Parlimen Kesatuan Eropah terhadap minyak sawit.

pun merosakkan tanah,” katanya.

Rohana Jamil yang juga datang dari Kedah menambah, ibu bapanya adalah pengusaha kecil kebun sawit dan kini meneruskan warisan keluarga sebagai pekebun kecil sawit.

Beliau mempersoalkan kenapa kerajaan Kesatuan Eropah mahu melarang penggunaan bio bahan api berasaskan minyak sawit masa ini sedangkan mereka membeli dan menggunakan minyak sawit selama berpuluh tahun.

“Saya rasa kecewa dengan hasrat Kesatuan Eropah ini dan berasa bimbang mengenai kesan masa depan ke atas keluarga dan semua pekebun kecil sawit di seluruh dunia,” katanya.

Mohd Sharim mewakili Persatuan Anak Peneroka FELDA Kuantan, Pahang yang datang bersama kumpulan Generasi ke-2 Peneroka-Peneroka Sawit, memberitahu beliau menyokong penuh bantahan aman yang dilakukan oleh keempat-empat organisasi pekebun kecil sawit ini dan penyerahan memorandum bantahan kepada Duta Besar Kesatuan Eropah, Maria Castillo Fernandez dan 17 kedutaan negara-negara anggota Kesatuan Eropah.

Katanya, kumpulannya mewakili generasi baharu pekebun kecil sawit di mana ibu bapa mereka adalah kumpulan perintis pekebun sawit sejak tahun 1960-an.

Beliau juga berpendapat sekatan oleh Kesatuan Eropah ini akan memberi kesan kepada cucu cicit pekebun sawit di masa depan terutamanya dari segi pendidikan dan kualiti hidup mereka.

Tegasnya, tindakan Kesatuan Eropah ini mempunyai niat jahat, tidak adil dan tidak bermoral.

Presiden DOPPA, Dr Richard Mani Banda yang datang dari Kuching, Sarawak untuk menyer-

uai bantahan ini, menekankan sekatan oleh Kesatuan Eropah ini akan membawa bencana ekonomi yang besar kepada seluruh pekebun kecil sawit di Sarawak.

Katanya, DOPPA adalah persatuan pekebun kecil sawit yang dianggotai kira-kira 27,000 pekebun kecil terdiri daripada 26 puak etnik di Sarawak seperti Dayak, Kadazan, Penan, Iban, Kayan dan Kedayan.

“Setiap ahli DOPPA berusaha sebidang kecil tanah seluas dua hektar untuk penanaman sawit dan buah-buahan lain dan mereka hanya menggunakan baja organik serta baja daripada kumuhan ternakan,” katanya.

Tambah Dr. Richard, ketika ini pekebun kecil DOPPA menjalani proses mendapatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Patuhi syarat pensijilan antarabangsa

“Pekebun kecil di Sarawak menjalani latihan untuk mematuhi syarat-syarat pensijilan antarabangsa termasuklah menguruskan kebun sawit mereka secara lestari dengan sistem perparitan yang betul dan penggunaan sumber secara bertanggungjawab.

“Kebanyakan pekebun kecil ini hanya menerima pendapatan bulanan antara RM1,500 hingga RM2,000 untuk menyara kehidupan keluarga mereka dan memberi pendidikan kepada anak-anak,” katanya.

Dr Richard menyeru Kesatuan Eropah supaya melindungi hak masyarakat miskin ini untuk menjalani kehidupan yang lebih baik tanpa menjejaskan kehidupan harian mereka.

Beliau juga mendesak Kesatuan Eropah supaya berlaku adil dan tidak mempraktikkan “protectionism” untuk melindungi kepentingan mereka semata-mata.

Sementara itu, Presiden NASH, Datuk Aliasak Ambia yang mengetuai delegasi pemimpin petani kecil ini ke kedutaan besar Kesatuan Eropah untuk menyerahkan memorandum bantahan itu berkata, Maria Castillo Fernandez berjanji kepadanya untuk menyampaikan kandungan dan objektif memorandum bantahan itu ke negara-negara anggota di Brussels.

Katanya, pekebun kecil berasa sangat kecewa dengan cadangan sekatan Kesatuan Eropah ke atas penggunaan bio bahan api berasaskan minyak sawit kerana ia akan menjejaskan mata pencarian dan kehidupan harian pekebun kecil.

Beliau sangat berharap Kesatuan Eropah dapat memansuhkan cadangan sekatan ini yang dilihat seperti mempermainkan kehidupan pekebun kecil kerana mereka juga merupakan pembeli kedua terbesar minyak sawit Malaysia.

“Sekatan ini bukan sahaja akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil tetapi juga akan menyebabkan harga pasaran global minyak sawit jatuh menjunam kerana lambakan pengeluaran,” katanya.

Yang pasti, tiada apupun yang baik boleh dikatakan mengenai kesan yang bakal terjadi ekoran sekatan Kesatuan Eropah ini.

Sebaliknya ia akan menyebabkan kemiskinan, ketidakstabilan sosio ekonomi, dan ketidakpuasan hati di kalangan generasi yang akan datang terhadap tindakan yang tidak bertanggungjawab Kesatuan Eropah ini.

Artikel ini telah disunting dan diterjemahkan semula daripada artikel asal bertajuk, “EU’s Unilateral Legislation on Palm Oil Will Have Adverse and Deleterious Effect on 650,000 Smallholders.” Sila layari www.palmoiltoday.net untuk mendapatkan salinan asal artikel ini.

1. Lemak Trans % Bebas lemak trans	2. Mudah dihadam	3. Sumber tenaga yang sangat baik
4. Sumber asid lemak yang penting	5. Membantu meningkatkan paras kolesterol baik - HDL	6. Mengandungi Vitamin E tokotrienol
7. Khasiat yang seimbang	8. Antioksidan yang membantu mencegah strok	9. Antioksidan yang membantu menghindar kanser
10. HDL LDL Kesan neutral ke atas kolesterol dalam darah	11. Bebas kolestrol	MPOC

Fakta menarik tentang khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia

Untuk maklumat lanjut, lawati www.mpec.org.my

Industri sawit mampan jamin pengeluaran minyak berkualiti

Kualiti minyak sawit merupakan elemen penting yang perlu diambil berat sama ada pekebun kecil sawit, mahupun badan berwajib seperti MPOB bagi meningkatkan permintaan luar terhadap minyak sawit negara. Justeru itu, industri sawit mampan kini diberi keutamaan dan diperluaskan kepada semua pekebun sawit di Malaysia sejak tahun 2015 lagi.

Seiring dengan itu, semua pihak bekerjasama menggembleng tenaga mengukuhkan industri sawit mampan bagi meningkatkan kualiti sawit.

Kini, semua pihak telah memberikan perhatian yang serius kepada amalan penanaman sawit mampan kerana terdapat banyak manfaat yang boleh dinikmati melalui industri sawit mampan. Ia telah diperakui dapat menjamin pengeluaran minyak sawit yang berkualiti tinggi.

Industri sawit mampan mampu menghasilkan pengeluaran minyak berkualiti kerana mengaplikasikan amalan penanaman yang mesra alam. Pengeluaran yang berkualiti juga dapat direalisasikan melalui pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan Kod Amalan Baik yang dipraktikkan dalam penanaman sawit mampan. Ini kerana penghasilan sawit terjamin kualitinya kerana bebas dari penggunaan racun yang berbahaya.

Selain itu, industri sawit mampan mampu memberikan minyak yang berkualiti kerana aplikasi piawai yang tinggi dalam setiap langkah pengeluarannya



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Che Wan Muhammad Haziq Che Wan Sabri
SM Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin Batu Burok, Terengganu

bermula dari penanaman sehingga tuaian hasil sawit.

Justeru itu, tidak hairanlah masyarakat antarabangsa juga celik menilai kualiti minyak sawit yang baik dan berkhasiat sehingga mampu menangkis tanggapan negatif yang digembar-gemburkan sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kualiti hidup manusia banyak bergantung kepada kualiti sumber pembuatan makanan dan produk. Melalui industri sawit mampan, masyarakat dapat menikmati produk serta penghasilan makanan yang sihat melalui penggunaan minyak sawit yang berkualiti. Terdapat beberapa bukti penerimaan masyarakat terhadap produk berasaskan sawit. Antaranya, produk oleokimia buatan Malaysia yang berasaskan sawit telah mendorong syarikat oleokimia Amerika Syarikat untuk menggunakan sumber mentah berasaskan sawit.

Kualiti minyak sawit juga

turut menerima pengiktirafan bebas dari lemak separa hidrogenasi yang terbukti sangat baik untuk digunakan dalam pembuatan makanan. Penerimaan yang positif ini telah menggugat industri minyak dan lemak antarabangsa sehingga ada negara luar yang sanggup melakukan sabotaj terhadap minyak sawit Malaysia dengan pelbagai isu sematamata untuk mengelirukan pengguna.

Masyarakat tempatan juga kini memilih produk berasaskan sawit kerana kualitinya yang jauh lebih baik dan berkhasiat. Santan sawit kini kian digemari serta digunakan secara meluas dalam penghasilan makanan menggantikan santan kelapa. Penerimaan positif ini semakin meluas kerana minyak sawit berkhasiat dan mempunyai kualiti yang baik.


Kesimpulannya, penerimaan yang amat memberangsangkan ini menjadikan industri sawit mampan pilihan masyarakat tempatan mahupun global. Industri sawit mampan akan terus terjamin pasarannya kerana kualiti minyak sawit yang tinggi nilainya di mata pengguna. Anjakan paradigma kerajaan berjaya memperkukuhkan industri sawit melalui transformasi kerajaan menjadikan industri sawit mampan sebagai satu tuntutan mandatori menjelang akhir tahun 2019. Sesungguhnya Malaysia berjaya membangun industri sawit mampan dan seterusnya menembusi pasaran antarabangsa, mencerminkan kecemerlangan 100 tahun industry sawit negara.

Pelaksanaan pensijilan sawit mampan jamin pasaran peringkat antarabangsa

Pemboikotan Negara Eropah terhadap hasil sawit negara sebenarnya telahpun bermula semenjak tahun 2014 melalui pelabelan 'No Palm Oil' pada kebanyakan produk makanan dan minuman keluaran mereka. Negara Eropah menyatakan alasan meletakkan pelabelan sedemikian pada produk keluaran mereka disebabkan penggunaan tanah gambut bagi penanaman sawit, penebangan hutan yang tidak terkawal oleh negara pengeluar sawit dan pembakaran terbuka secara besar-besaran yang mengakibatkan bencana jerebu.

Pelabelan sebegini sudah pastinya akan memberikan persepsi buruk kepada pengguna iaitu penggunaan minyak sawit boleh membawa kemudatan di dalam makanan. Jelas sekali produk makanan merupakan salah satu sasaran barat dalam mempengaruhi pemikiran pengguna untuk memboikot makanan berasaskan minyak sawit. Sebanyak 489 produk yang mempunyai label 'No Palm Oil' dikenal pasti milik ahli 'Roundtable Sustainable Palm Oil' (RSPO). Walaupun produk dengan label ini kebanyakannya dijual di negara-negara Eropah, namun produk-produk ini boleh dijumpai di pasaran Malaysia.

Selain Negara Eropah, Jepun turut berpendirian seperti Amerika Syarikat iaitu untuk mengimport komoditi sawit yang hanya memiliki MSPO. Apabila Parlimen Kesatuan Eropah (EU) meluluskan dua resolusi pada tahun 2017 dan 2018 yang mewajibkan pensijilan mampan dan sekatan penggunaan minyak sawit dalam bio bahan api mulai tahun 2021, ini menun-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Nurul Hayatee Mohamed Yatim
Johor Bahru, Johor

jukkan mereka mengemukakan amalan aparteid tanaman dan merupakan permulaan hari hitam bagi perdagangan bebas dan adil. Mungkin sudah tiba masanya kita memikirkan kembali usahasama dan daganan dengan negara Eropah. Mereka melakukan pelbagai usaha pemasaran supaya Malaysia membeli produk mereka namun pada masa yang sama enggan membeli produk dari Malaysia.

Bagi mengatasi isu kemampanan, kerajaan melaksanakan pensijilan sawit bagi menjamin pasaran minyak sawit terus mampan di peringkat antarabangsa. Isu kemampanan mampu mengancam industri sawit dan menjadikan pasaran sawit kurang kompetitif di kalangan negara pengeluar sawit. Melihat kepada kepentingan ini, semua produk sawit yang dikeluarkan oleh sesebuah negara perlu memberi perhatian kepada isu kemampanan bagi menjamin penerimaan pasaran global.

Bermula pada Januari 2015, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah menubuhkan Majlis Persijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC). MPOCC berperanan mentadbir urus skim

pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) termasuk menyelaras proses penetapan standard Skim MSPO yang dilaksanakan secara sukarela meliputi syarikat ladang, pekebun kecil termasuk di bawah skim FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi kerajaan negeri serta para pekebun kecil persendirian.

Skim MSPO ternyata jauh lebih murah dan lebih bersesuaian dengan keadaan di negara kita serta memberi wajaran yang setara kepada tiga elemen kemampanan 3P, iaitu pembangunan sosial (People), penjagaan alam sekitar (Planet) dan pembangunan ekonomi (Profit). Skim ini memastikan produk sawit mematuhi kriteria kemampanan yang diterima oleh pasaran antarabangsa dan dipatuhi oleh semua pihak termasuk pekebun kecil di seluruh negara. Pastinya melalui pensijilan MSPO akan dapat membezakan produk sawit Malaysia dengan produk sawit keluaran negara pesaing. Skim ini juga membolehkan produk sawit Malaysia boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi serta boleh digunakan untuk jenama dan menghentikan segala tohmahan negara luar terhadap produk sawit Malaysia.

Diharapkan melalui Skim MSPO, permasalahan industri sawit negara dapat diatasi. Walaupun tekanan demi tekanan dikenakan oleh pihak antarabangsa, namun kita amat berterima kasih kepada Court of Justice of The European Union (CJEU) apabila telah menguatkuasakan undang-undang supaya pengeluar mempertimbangkan kaedah yang betul dalam melabelkan produk makanan.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MAC 2018

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Tanggapan negatif jejas pasaran minyak sawit. Bincangkan".

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Kempen anti minyak sawit, cabaran pasaran peringkat global. Bincangkan".

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama : RM250
 ◎ Hadiah Kedua : RM200
 ◎ Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan APRIL 2018 akan datang.

KEPUTUSAN PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN FEBRUARI 2018

PEMENANG KATEGORI 1: Pelajar Sekolah Menengah
PEMENANG KATEGORI 2: AWAM

Hadiah Pertama
 Che Wan Muhammad Haziq Che Wan Sabri
 SM Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin Batu Burok, Terengganu

Hadiah Kedua
 Tiada pemenang

Hadiah Ketiga
 Tiada pemenang

Hadiah Pertama
 Nurul Hayatee Mohamed Yatim
 Taman Johor Jaya
 Johor Bahru, Johor

Hadiah Kedua
 Mohammas Suffian Fauzi
 Taman Pengadang Jaya
 Kuala Terengganu, Terengganu

Hadiah Ketiga
 Fatin Afikah Abdul Sani
 Taman Beringin Kulim, Kedah

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, alamat email (jika ada), nombor kad pengenalan, nombor telefon, nombor akaun bank/nama bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport.
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan pada 22 MAC 2018.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)
Email: watie@mpob.gov.my



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong (tengah) bergambar dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Kerjasama Pembangunan Belanda, Sigrig Kaag (empat dari kanan) pada pertemuan kedua-duanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Turut serta Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk K Yogevaran (empat dari kiri).



Datuk Seri Mah Siew Keong mengadakan mesyuarat dua hala bersama Menteri Kewangan Thailand, Sontirat Sontijirawong dan menyampaikan cenderamata syiling peringatan 100 tahun industri sawit.



Datuk Seri Ahmad Hamzah menunjukkan prestasi industri sawit negara yang dipamer di lobi utama ibu pejabat MPOB kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri Ghana, Robert Ahomka Lindsey ketika lawatan ke MPOB di Bangi.



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa (tiga dari kiri) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Malaysia, Tan Sri Zainal Rahim Seman (kiri) melawat Galeri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sempena Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan 2018 di Putrajaya. Lawatan diiringi Datuk K. Yogevaran (dua dari kiri).



Datuk Seri Ahmad Hamzah (tiga dari kiri) diiringi Datuk Dr Ahmad Kushairi Din (dua dari kiri) memotong reben sebagai perasmian Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Jasin Berhad di Melaka, baru-baru ini.